

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 45 RABU 8 NOVEMBER, 1967

1387 رابو 5 شعبان

PERCHUMA

D.Y.M.M. seru pembesar2 dan pegawai2

*bekerjasama dengan Baginda
untuk melaksanakan ranchangan2*

KUALA BELAIT. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanal Bolkiah Muizzuddin Waddaulah telah berangkat ka-Kuala Belait pada hari Isnin lepas dengan menaiki pesawat helikopter untuk merasmikan pembukaan bangunan baru Jabatan Hal-Ehwal Ugama di-daerah itu.

Ini ada-lah keberangkatan Baginda yang pertama ka-Kuala Belait sejak Baginda di-tabalkan pada 5 Oktober

lepas.

Dalam satu titah ucapan yang ringkas Baginda telah menyatakan bahawa Baginda tertarik hati atas kechantean bangunan tersebut.

Baginda berharap semoga bangunan itu akan memberi kemudahan2 kepada umat Islam dalam menguruskan mengenai perkara2 ugama.

Duli Yang Maha Mulia bertitah, selaku Ketua Ugama Islam di-negeri ini, Baginda memberi penghargaan atas

perkembangan2 Islam yang telah maju dan berjaya di-bawah arahan Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama dan pegawai2-nya serta Pegawai Daerah Belait, kerana dengan kechekapan mereka berusaha bersungguh2 dalam peranan mereka bagi menjayakan perkembangan Islam di-daerah tersebut.

Baginda juga menyatakan bahawa Kerajaan Baginda tidak-lah teragak2 lagi akan memberikan sa-barang kemudahan2 kepada umat Islam di-seluruh negeri ini dalam apa jua yang di-fikirkan benar2 akan membawa faedah kepada Ugama Islam.

Baginda juga telah berseru kepada raayat dan penduduk2 di-negeri ini terutama sekali Pembesar2 Negara dan Pegawai2 Kerajaan supaya sentiasa memberikan kerjasama kepada Baginda dalam menjalankan ranchangan2 Paduka Ayahanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan.

Baginda bertitah:

"Proje2 pembangunan yang sedang di-laksanakan atau sedang di-ranchangkan oleh Kerajaan ada-lah bertujuan untuk meninggikan taraf hidup raayat dan untuk menjamin keamanan, kebahagiaan dan harmoni di-negeri ini".

Baginda berseru kepada penduduk2 di-daerah itu supaya bersatu padu dan bekerjasama demi untuk memelihara keamanan.

Duli Yang Maha Mulia kemudian-nya berangkat melawat Dewan Kemasyarakatan yang baru, tapak2 bagi rumah sakit yang baru dan Sekolah Pertukangan dan ranchangan penempatan sa-mula.

Baginda telah di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

**Pembinaan
jalan2 raya
yang baru
seluruh negeri**

BANDAR BRUNEI. — Satu rangkaian jalan2 raya tambahan sa-panjang 63½ batu untuk Daerah Tutong telah di-chadangkan di-bawah ranchangan pembinaan jalan2 raya baru sa-panjang 140 batu di-seluruh negeri.

Penasihat2 jalan raya Scott, Wilson & Kirkpatrick dan Rakan2 akan melancarkan satu penyiasatan ka-atas jalan2 raya itu dan akan membuat peta2 dan rekaan2 terakhir apabila sahaja kerajaan memberikan persetujuan terhadap chadangan itu.

Rangkaian jalan2 raya baru bagi daerah itu yang akan membuka kawasan2 luar bandar akan mengandungi 5 jalan raya penting.

Yang pertama akan menghubungkan Lamunin dengan Bandar Tutong melalui Kuala Abang.

Yang kedua akan merupakan satu penyambungan kepada Jalan Lamunin yang akan menuju ka-barat daya berhampiran dengan kawasan penampungan ayer bagi Ranchangan Ayer Sungai Tutong. Jalan raya penting ini akan menyeberangi Sungai Tutong menuju ka-Litad dan Merimbun.

Jalan raya penting yang ka-tiga ia-lah dari Lamunin menuju ka-selatan dengan mengikuti jalan2 yang pendek sa-kali menuju ka-kampung2 di-ulu2 sungai. Jalan raya penting ini akan melalui lereng bukit sa-belah timur menuju ka-Benutan untuk memberikan kemudahan kepada kawasan yang ramai dengan penduduk di-sekitar Kampung Menengah.

Jalan raya penting yang keempat akan merupakan satu per-



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan sedang merasmikan pembukaan bangunan baru Pejabat Hal-Ehwal Ugama di-Kuala Belait.



Gambar atas kelihatan Duli Yang Maha Mulia ketika berangkat ka-bangunan baru Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Kuala Belait.

Kajian lanjut mengenai ranchangan memelihara udang di-Brunei

satu kawasan di-Kampong Serdang mungkin sesuai

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perikanan telah memulakan satu pengkajian lanjut ka-atas sa-buah kawasan yang sesuai untuk di-jadikan tambak tempat memelihara udang yang pertama di-Brunei.

Langkah ini ada-lah berikutan ketibaan sa-orang Pegawai Perikanan, Awang Teng Seng Keh minggu lalu yang mendapat lathen khas mengenai pengusahaan udang.

Pegawai Perikanan, Dr. E. Birkenmeier berkata, Awang Teng sekarang ini sedang membuat penyiataan ka-atas satu kawasan tanah paya dekat Kampong Serdang di-kuala Sungai Brunei untuk di-jadikan sa-buah tambak memelihara udang.

Penyiataan awal oleh Jabatan Perikanan menunjukkan bahawa kawasan tersebut mungkin sesuai bagi ranchangan permulaan itu.

Bagaimana pun, satu penyiataan lebeh lanjut mengenai keadaan tanah, tinggi-nya kedudukan tanah paya itu dengan aliran perjalanan ayer pasang dan surut, perubahan keadaan ayer masin di-sebabkan oleh ayer pasang dan surut serta hujan dan sa-bagainya itu sedang di-jalankan oleh pegawai perikanan yang baru itu.

Dr. Birkenmeier mengharapkan kerja2 itu akan segera selesai, dan kerja2 pembenaan tambak pertama dapat di-jalankan tidak lama lagi.

Sesuai dengan ranchangan kemajuan perikanan, pehak kerajaan meranchangkan untuk membena tambak2 memelihara udang dan kolam2 ikan di-negeri ini, untuk menjamin tambahan bekalan makanan yang mengandungi zat proten bagi raayat di-negeri ini.

Jika ranchangan permulaan di-Kampong Serdang memboktikan berjaya, maka pehak kerajaan akan menggalakan pembenaan lebeh banyak lagi tambak2 memelihara udang di-lain2 kawasan negeri Brunei.

Dr. Birkenmeier berkata, terdapat satu kawasan yang luas di-sepanjang tebing sungai Brunei dan di-Telok Brunei yang sesuai bagi pembenaan tambak2 memelihara udang.

Jabatan Pertanian juga mengharapkan untuk mendapatkan sebidang tanah di-kawasan Sungai Jambu, dekat bandar Brunei untuk di-jadikan sa-buah kolam memelihara ikan.



Gambar atas menunjukkan, Pegawai Perikanan Awang Teng Seng Keh (Nombor dua dari kiri) sedang membuat penyiataan di-salah satu kawasan di-Sungai Brunei dengan menggunakan satu alat bagi menentukan tempat yang sesuai untuk pembenaan tambak2 memelihara udang.

EMPAT ORANG LAGI PEMIMPIN BELIA AKAN BERLATEH KA-KUALA KUBU

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Kebajikan Masyarakat berharap akan menghantar empat orang lagi pemimpin2 belia ka-Malaysia Barat kerana lathen sa-belum musim lathen tamat dalam bulan Disember.

Belia2 itu akan di-hantar ka-Pusat Lathen Belia Kebangsaan di-Kuala Kubu Bahru dekat Kuala Lumpur sa-lama tiga minggu untuk menghadiri kelas2 mengenai pengelolaan dan urusan klab2 belia.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat berkata, rombongan ka-enam tiga orang pemimpin2

belia telah di-hantar ka-Malaysia Barat pada penghujung minggu lepas.

Mereka ia-lah Awangku Bakar bin Pengiran Mohamed Salleh, Persatuan Kebajikan Sumbiling Baru, Awang Ali bin Kayum, Persatuan Ikatan Kampong Lorong Sikuna dan Awang Mohamad Saidi bin Bugal, Persatuan Belia

Kilanas.

Sa-kembali mereka nanti, Jabatan Kebajikan berharap akan menghantar satu lagi rombongan empat orang untuk menjalani lathen sa-belum musim lathen bagi tahun ini di-tutup dalam bulan Disember.

Jambatan lalu lintas yang pertama di-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Jambatan lalu lintas bagi orang2 yang berjalan kaki yang pertama di-Brunei, di-jangka siap pembenaan - nya menjelang akhir tahun ini.

Jambatan yang di-ranchangkan oleh Lembaga Bandaran Brunei di-Jalan Kumbarang Pasang, berhampiran dengan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, di-Bandar Brunei itu, ada-lah di-bena untuk mengatasi kesibukkan orang2 yang berjalan kaki, di-masa2 yang sibuk.

Di-kawasan tersebut, lalu lintas kenderaan biasa-nya sibuk di-sebelah pagi, tengah hari dan petang, ia-itu masa pejabat dan sekolah2 di-buka dan di-tutup.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya berkata, kerja2 menapak jambatan tersebut sekarang sedang berjalan dengan baik-nya. Ia-nya satinggi 18 kaki dari muka jalan dan 70 kaki panjang.

Peladang2 dari ulu Belait lawat Pusat Pertanian

KILANAS. — Sa-ramai 30 orang peladang, termasuk tujuh perempuan dari Persatuan Peladang Kampong Sukang, Ulu Belait, telah melawat ka-Pusat Pertanian Kilanas kerana memerhatikan chara2 pertanian moden pada minggu lepas.

Mereka baru sahaja menamatkan kursus pertanian sa-lama sa-minggu di-kampung mereka.

Sepanjang kursus itu, pensharah2 dan juru-lathen dari Jabatan Pertanian telah mengadakan kelas2 selain dari melawat kawasan tanaman peladang2, kerana menunjukkan chara2 pertanian moden

sa-chara pratik.

Mereka juga memberikan cheramah mengenai perkara mengusahakan padi dan perikanan, menternak ayam, menyuburkan tanaman dan penggunaan baja dan baja asli.

Lawatan itu ada-lah bagi membolehkan mereka memerhatikan lebeh dekat mengenai chara2 mengusahakan pertanian saperti yang mereka pelajari dari cheramah yang di-berikan oleh pensharah2 dan juru-lathen di-sepanjang kursus itu.

Sa-jauh ini ahli2 dari 49 buah persatuan peladang, diseluruh negeri telah mengakhiri kursus pertanian, di-kampung masing2.

Ahli2 Majlis Mashuarat di-Malaysia lawat Brunei

**mereka melawat
padang minyak,
Lapau baru dan
Kampung Ayer**

BANDAR BRUNEI. — Empat orang Ahli Majlis Mashuarat dari Malaysia Barat telah tiba di-Brunei pada hari Rabu lepas dalam bidang lawatan mereka ka-negeri2 Malaysia Timor dan Brunei.

Mereka telah meninggalkan Brunei pada hari Jumaat lepas kerana meneruskan lawatan ka-Sarawak.

Antara mereka termasuklah sa-orang perempuan, Danyang Sarimah binte Omar dari Dewan Undangan Negeri Kedah dan rombongan itu diketuai oleh Awang Yahya bin Haji Abdul Jalil.

Lain2 ahli dalam rombongan itu ia-lah terdiri dari Awang Leong Man Kai dan Awang Mohammad Zain bin Ahmad. Mereka di-temani oleh Syed Idrus, sa-orang Pegawai Pentadbir.

Semasa berada di-Brunei, ahli2 majlis mashuarat itu telah menjadi tetamu kepada Kerajaan dan kunjungan mereka termasuklah lawatan2 ka-Lapau Baru di Bandar Brunei, Masjid Omar Ali Saifuddin dan Kampung Ayer.

Mereka juga melawat kapalang minyak di-Seria dan ka-beberapa kawasan di-Kuala Belait.

Sa-lama berada di-Brunei, mereka juga sempat menemui ahli2 majlis2 mashuarat Brunei dalam beberapa majlis.

Pada petang 1 November yang lalu, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat, Dato Paduka Awang Mohammad Taib in Awang Besar telah menjadi tuan rumah kepada rombongan itu.

Mereka juga telah menjadi tetamu kepada Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Dato Seri Utama Haji Ibrahim bin Mohammad Jahfar di-ijamuan berserak di-Brunei Hotel.

Isra' dan Mi'raj di-Kg. Lambak

KAMPONG LAMBAK. — Penduduk2 Kampung Lambak telah mengadakan majlis sambutan Isra' dan Mi'raj pada hari Khamis yang lalu.

Menurut kebiasaan Isra' dan Mi'raj jatuh-nya dalam bulan Rajab.

Sambutan serupa itu akan terus di-adakan dalam masa beberapa minggu yang akan datang di-beberapa buah kampung yang lain.

Dalam sambutan di-Kampung Lambak itu, berbagai2 peraduan telah di-adakan termasuk peraduan membaca kitab suci Al-Koran.

Timbalan Kadhi Besar Brunei Haji Awang Mohd Zain telah menyampaikan sharahan khas mengenai Isra' dan Mi'raj.



Gambar atas menunjukkan ahli2 Majlis Mashuarat tersebut ketika di-alu2kan oleh Pengiran Mohammad bin Pengiran Damit Matseruddin dan Awang Abd. Rahman bin Taib di-lapangan terbang Berakas.

5 USOL DI-LULUSKAN DI-M.M. DAERAH TEMBURONG 2 USOL YANG LAIN DI-TOLAK TERKELUAR DARI KUASA MAJLIS

TEMBURONG — Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak telah menolak satu usol yang mana jika di-luluskan akan meminta kerajaan membayar gaji penoh kepada buroh2 bergaji hari semasa mereka menunaikan fardhu haji.

Pegawai Daerah itu telah mengemukakan sidang bulan Majlis Mashuarat Daerah itu yang telah berlangsung di-Klab Temburong pada hari Khamis yang lalu.

Awang Johari berkata beliau tidak akan membenarkan usol itu di-kemukakan dalam majlis kerana ia-nya menyentoh semua buroh2 bergaji hari di-negeri ini.

Beliau meminta pembawa usol itu, Haji Awang Bakar bin Baha supaya menarek kembali usol tersebut kerana ia-nya melebihi kuasa majlis itu.

Awang Johari juga menolak satu usol menyeru supaya moto bot yang membawa surat dari Bandar Brunei singgah ka-Bangar dahulu sebelum pergi ka-Labu.

Beliau mengingatkan pembawa usol tersebut, Awang Metussin bin Aliakbar bahawa usol yang sama telah di-bentangkan dan di-binchangkan oleh majlis.

Namun demikian, lima usol yang lain telah di-luluskan dalam majlis itu.

Uso1 yang menyeru bagi dipercepatkan pembenaan rumah2 kerajaan yang mana tapak-nya telah pun di-perolehi di-Bangar telah di-kemukakan oleh Haji Awang Abu Bakar.

Haji Awang Abu Bakar berkata, rumah2 kerajaan ada-lah sangat2 di-kehendaki kerana banyak kakitangan2 kerajaan di-Bangar tidak mempunyai rumah.

Majlis itu juga telah meluluskan satu usol yang di-kemukakan oleh Haji Awang Bakar yang menyeru bagi di-adakan X-Ray dan suntikan bagi orang2 yang hendak menuaikan fardhu haji di-rumah sakit Bangar.

Awang Tabari bin Balang telah mengemukakan usol bagi mendalamkan Sungai Temburong di-sebelah ulu Bangar yang di-katakan-nya telah menjadi semakin tohor.

Beliau menyeru supaya sungai itu di-perdalamkan dari kualanya dengan Sungai Biang untuk menjadikan-nya jalan perayeran yang selamat bagi penduduk2 kampung di-sepanjang tebing sungai itu.

Awang Johari juga berkata dengan memperdalamkan sungai itu akan memperbaiki



Awg. Johari Abd. Razak

lagi perhubungan dan menggalakan pegawai2 melakukan lebih banyak lawatan ka-kampung2 di-kawasan pendalaman.

Awang Badas bin Kamaruddin berasa kesal kerana tidak ada guru Ugama di-Belingos dan meminta supaya sa-orang guru ugama di-tempatkan di-sekolah tersebut seberapa chepat yang mungkin.

Peruntokan bagi lebih banyak lagi guru2 Inggeris telah di-timbulkan dalam satu usol yang di-kemukakan oleh Haji Awang Abu Bakar bin Baha.

Beliau berkata, guru2 Inggeris ada-lah di-kehendaki di-Sekolah Melayu Sultan Hasan untuk mengajar murid2 yang telah di-pilih untuk memasuki sekolah Inggeris di-Bandar Brunei.

Beliau berkata, kanak2 tidak dapat di-terima segera ka-sekolah2 Inggeris di-Bandar Brunei kerana kekurangan tempat dan hingga mereka dapat di-terima masuk dan mereka hendak-lah diajar bahasa Inggeris di-Sekolah Melayu Sultan Hasan.

8 NOVEMBER, 1967.

DARUS-SALAM

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassan Bolkiah Muizzuddin Waddaulah dalam keberangkatan Baginda ka-Kuala Belait untuk merasmikan pembukaan bangunan baru Jabatan Hal-Ehwal Ugama di-daerah itu telah bertitah:

"Beta dan Kerajaan Beta ingin melihat isi Negara Brunei Darus-salam ini hidup dalam aman dan gembira bersatu padu dan harmoni serta sudi menerima ranchangan2 kemajuan di-negeri ini".

Titah Baginda itu ada-lah di-lahirkan dari lubok hati yang hening lagi berseh yang di-sertai dengan satu hasrat yang ingin melihat Brunei merupakan sa-buah negara yang benar2 Darus-salam.

Sa-bagai sa-buah negara yang sedang membangun, maka Brunei tidak dapat mengelakkan dari mengadakan ranchangan2 kemajuan-nya baik ranchangan yang kechi2 mahu pun yang besar2, malah yang di-sebut sa-bagai ranchangan raksaksa.

Sewaktu Ayahanda Baginda maseh menduduki takhta Singahsana Kerajaan, berbagai2 ranchangan kemajuan negara satu demi satu di-timbulkan yang pada keselurohan-nya telah mencapai kejayaan yang chemerlang, terutama bagi kepentingan untuk meninggikan taraf hidup raayat dan mengujudkan Brunei sa-bagai sa-buah negara yang aman dan makmor.

Dan dari ranchangan2 itu tentu-nya ada lagi yang sedang dan akan di-laksanakan. Kerana itu, DYMM Paduka Seri Sultan Hassan Bolkiah bertitah:

"Maka ingin-lah Beta mengambil peluang untuk berseru kepada raayat dan penduduk di-seluruh negeri ini, terutama pegawai2 kerajaan supaya sentiasa memberikan kerjasama kepada Beta dalam menjalankan ranchangan2 Paduka Ayahanda yang sangat berfaedah — yang berjalan mahu pun yang sedang akan di-jalankan yang semua-nya ada-lah akan membawa ka-arrah kemudahan2 dan faedah-nya kepada negara Brunei yang mempunyai berjenis2 isi dalam-nya, mithalan; raayat Beta dan penduduk2 dan lain yang benar2 chintakan keamanan, ketenteraman, yang sukakan hidup bahagia, yang berusaha bersungguh2 bagi kema'amoran negara dan yang benar2 bekerja, berusaha untuk mencari rezeki-nya yang halal yang di-redhai Allah.

Hasrat Baginda itu hendak-nya di-fahami oleh kita bersama dan semua negara kita akan mencapai kemajuan2 yang lebih pesat dan tersisih dari kejadian2 yang tidak di-ingini — lebih2 lagi yang merusakkan negara.

QARI'AH ADEK BERADEK WAKILI TUTONG KA-PERADUAN MEMBACHA KOR'AN PERINGKAT NEGERI

PEKAN TUTONG. — Daerah Tutong akan mengemukakan dua orang qari'ah adek beradek bagi mewakili-nya dalam peraduan membacha kitab suci Al-Kor'an peringkat negeri yang akan berlangsung di-Padang Besar, Bandar Brunei pada 16 dan 17 November, 1967.

Qari'ah2 tersebut ia-lah peserta yang berjaya dalam peraduan peringkat daerah yang di-langsungkan di-Dewan Masjid Hassan Bolkiah, Pekan Tutong pada 5 November lepas.

DUA BERADEK

Mereka ia-lah Dayang Noraishah binte Begawan Mudim Haji Adnan dan Dayang Noraini binte Begawan Mudim Haji Adnan dari Kampong Bukit Bandera.

Dalam peraduan itu, Dayang Noraishah berjaya menjadi johan, sementara Dayang Noraini menjadi naib johan.

Sementara, itu, Qari2 yang akan mewakili daerah itu ka-peraduan peringkat negeri ia-lah Awang Alimas bin Md. Daud dari Kampong Panchor Duit, (Johan peringkat daerah) dan Awang Md. Yusof bin Dollah dari Kampong Sengkarai (Naib Johan)

Qari'ah Dayang Noraini

pernah bertanding dalam peraduan peringkat negeri dalam beberapa tahun yang lalu.

Terdahulu dari itu, pada 4 November, 1967, Daerah Tutong juga telah mengadakan peraduan2 membacha kitab suci Al-Kor'an dan sharahan2 bagi murid2 lelaki dan perempuan sekolah2 ugama di-daerah itu.

KEPUTUSAN2

Keputusan peraduan bagi membacha Kor'an bahagian murid2 lelaki gelaran johan telah di-menangi oleh Awang Junaidi bin Sabtu dari Sekolah Ugama Teli-sai dan Naib johan di-menangi oleh Awang Fimat bin Anggas dari Sekolah Ugama Katimahar.

Johan bahagian murid2 perempuan pula telah di-menangi oleh Dayang Masniah binte Haji Abdul Manaf dari Sekolah Ugama Layong dan naib johan di-menangi oleh Dayang Faridah binte Md. Hanifah dari Sekolah Ugama Muda Hashim.

Peraduan sharahan bagi murid2 lelaki, gelaran johan telah di-menangi oleh Awang Zainal bin Ja'afar dari Sekolah Ugama Birau

dan naib-nya di-menangi oleh Awangku Riduan bin Pengiran Abbas dari Sekolah Ugama Sengkuring.

Bagi murid2 perempuan pula, Dayang Hamidah binte Ja'afar dari Sekolah Ugama Birau telah berjaya menjadi johan, sementara Dayang Rokiah binte Edin dari Sekolah Ugama Penanjong berjaya menjadi naib johan.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta yang berjaya dalam peraduan2 tersebut.

PEMBENAAN

JALAN2 RAYA

DI-DAERAH TUTONG

(Dari Muka 1)

simpangan jalan bagi tiga cabang jalan dengan mengikut tebing Sungai Tutong dari Kuala Abang menuju ka-Benutan dengan melalui Tanjong Ungar.

Satu jalan raya akan di-dapati juga dari Bandar Tutong menuju ka-ulu2 sungai tanpa terputus2.

Jalan raya penting yang ka-lima akan menghubungkan kampong2 di-lerengan bukit sa-belah barat dan akan bermula dekat Penapar di-jalan raya penting yang pertama dan penghujung-nya ia-lah di-Pengkalan Panchor di-jalan raya penting yang kedua. Penyambungan kepada jalan raya penting yang ka-empat akan di-buat di-Ukong.

Rangkaian jalan2 raya di-daerah Tutong akan mengadakan juga jalan raya sambungan dari Litad menuju ka-jalan Sungai Liang/Labi di-daerah Belait.



Gambar atas menunjukkan qari dan qari'ah dari Daerah Temburong yang akan mewakili daerah itu dalam pertandingan membacha kitab suci Al-Kor'an peringkat negeri yang akan berlangsung pada 16 dan 17 November, 1967 ini. Di-sabelah kiri ia-lah Awang Alihan bin Ismail yang berjaya menjadi johan dalam peraduan peringkat daerah dan di-sabelah kanan ia-lah Dayang Taibah binte Orang Kaya Setia Haji Abdul Rahim yang berjaya menjadi johan qari'ah. Naib Johan qari dan qari'ah daerah Temburong akan juga menyertai pertandingan peringkat negeri. Mereka itu ia-lah Awang Nordin bin Arshad dan Dayang Aisah binte Metassan.

Y.T.M. Paduka Seri Begawan jelaskan

Ulasan Pengarang dalam akhbar Utusan Melayu

"PENDAPAT Renchana Pengarang Utusan Melayu keluaran 25hb. Oktober, 1967, mengenai kenyataan yang di-buat oleh D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan (bekas Sultan Brunei) berhubung dengan pilihan raya umum bagi negeri Brunei nampaknya mengelirukan dan di-salah artikan. Maka kenyataan ini adalah di-keluarkan dengan sabda D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan untuk menerangkan maksud kenyataan itu yang sebenarnya.

"Kenyataan yang sa-benarnya ia-lah dalam tempoh sepuluh tahun yang di-maksudkan, kerajaan telah berusaha menghantar penuntut2 ka-sa-berang laut bagi meninggikan pelajaran dan jika mereka itu, di-dalam tempoh 10 tahun penuntut2 tersebut mendapatkan pelajaran yang tinggi seperti yang di-harapkan oleh kerajaan untuk memegang pentadbiran kerajaan dengan chukop terator maka mereka itu-lah yang di-harapkan.

PENANGGOHAN

Demikian juga bagi mereka yang telah lulus masa ini, mereka tersebut telah mempunyai pengalaman yang baik sa-lama 10 tahun. Dan lagi perkara ini telah pun di-jelaskan dengan terang bahawa penanggohan ini di-buat adalah bermaksud untuk memelihara keamanan, kemaamoran negara dan kesungguhan hati menumpukan hasrat hati mereka pada mengharumkan nama baik Brunei Darussalam.

"Menurut hukum 'Alam, tidak-lah dapat di-nafikan bahawa keamanan, kemaamoran dan kemajuan itu tidak akan dapat di-chapai dengan sempurna jika orang yang mengendalikan - nya tidak mempunyai ilmu pengetahuan, pengalaman dan kejujuran yang sa-benar-nya.

PUNCHA

Ini-lah puncha yang sangat mustahak. Dan sa-bagaimana yang telah di-jelaskan bahawa penuntut2 yang sedang menuntut di-dalam dan di-luar negeri pada masa ini, dengan pengetahuan, pengalaman dan kejujuran mereka, sangat2 di-

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan telah memberikan suatu temu ramah kepada sa-orang wartawan akhbar Utusan Melayu di-Istana Darul Hana, Bandar Brunei pada 23 hb Oktober, 1967:

Berikutan dengan laporan yang terbit dari temu ramah itu, Utusan Melayu telah menerbitkan suatu ulasan pengarang-nya dalam keluaran akhbar tersebut bertarikh 25 Oktober, 1967.

Oleh sebab terdapat perkara2 yang mengelirukan dalam ulasan pengarang tersebut maka Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan telah bersadba supaya temu ramah yang telah diadakan itu di-siarkan dengan lengkap-nya.

Duli Yang Teramat Mulia itu juga memberi kenyataan penjelasan seperti yang berikut terhadap ulasan pengarang akhbar Utusan Melayu untuk menghapuskan keraguan raayat dan penduduk2 negeri ini.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan.

juga, demokrasi tidak akan dapat berjalan dengan baik, kechuai pembawaan sa-sa-orang yang menjalankan-nya itu keadaan-nya sihat, adil dan mempunyai kejujuran.

"Walau bagaimana pun, kelambatan pilihan raya umum bagi negeri Brunei seperti yang di-nyatakan ada-lah semata2 memandangkan kepada masa hadapan bagi keamanan dan ketenteraman yang sesuai dengan keadaan masa dan keadaan dalam sesuatu negeri.

Jika perkara yang di-sebutkan di-atas belum sesuai, sudah tentu hasil yang baik itu tidak akan dapat di-chapai atau di-nekmati oleh raayat seluruh-nya, sa-balek-nya akan mendatangkan akibat yang tidak baik pula.

TENTERA BRITISH

"Berthabit dengan penempatan tentera British di-Brunei, menurut sabda Duli Y.T.M. Paduka Seri Begawan di-masa perjumpaan dengan wakil Utusan Melayu bahawa ada-lah mustahak di-kekalkan kerana memandangkan kepada keadaan negeri2 yang di-sekeliling Brunei, mital-nya di-negeri Thailand dan Hong Kong dan juga pada mengingatkan jasa British sejak dari perang dunia II hingga meletus-nya penderhaan dalam tahun 1962, yang mana di-masa Brunei di-bawah tangan Jepun sa-lama 3½ tahun, lebeh kurang sa-paroh dari penduduk telah mati kerana kebuloran dan kurang kesihatan.

TANPA SELIDEK

"Pandangan pengarang Utusan Melayu itu mungkin menurut perbandingan yang dilihat-nya di-Malaysia tanpa menyelidik dengan sa-dalam2-nya hal ehwal keadaan negeri Brunei yang sa-benar-nya. Pendapat yang sa-demikian itu tidak-lah dapat di-samakan dengan keadaan Negeri Brunei yang berlainan keadaan-nya.

YANG HADHIR

"Hadir pada masa Duli Y.T.M. Paduka Seri Begawan membuat kenyataan itu ia-lah Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd. Jamil, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, dan Pengiran Dato Paduka Haji Moktar Puteh, Ketua Pegawai Adat Istiadat Dalam Istana."

harapkan untuk mengandikan negara menurut sistem kerajaan yang di-maksudkan ia itu sistem yang sihat.

Sebab, sesuatu sistem yang sihat dan bernilai yang berharga itu akan menjadi kurang

mutu-nya kira - nya orang yang menjalankan sistem itu tidak memahami dengan sa-penoh-nya akan maksud dan silok bilok jenis sistem yang sihat dan berharga itu. Apa lagi kalau tidak di-jalankan dengan jujur. Dan begitu

Temu ramah antara Y.T.M. Paduka Seri Begawan dengan wakil Utusan Melayu

SATU temu ramah di-antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Maulana Sir Omar Ali Saifuddin dengan wakil akhbar Utusan Melayu, Tengku Zainal Abidin pada 23 Oktober, 1967, jam 11.15 pagi.

Hadhir bersama2 dalam temu ramah itu ia-lah Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohamad Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji M. Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Ketua Pegawai Adat Istiadat Dalam Istana.

Di-bawah ini ia-lah soalan dan jawapan antara wartawan Utusan Melayu dengan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan.

Y.T.M. Seri Begawan: Apa hajat Tengku?

Wakil Utusan Melayu: Patek Sebenarnya Ketua Pengarang patek minta supaya patek mengadap Kebawah Duli kerana ada ramalan2 di-Kuala Lumpur dan Singapura yang berbunyi macham2, jadi terpaksa akhbar patek sebagai akhbar Melayu terpaksa menutupkan, menghapuskan ramalan2 saperti bagitu.

Y.T.M. Seri Begawan: Ramalan berkenaan dengan apa itu?

Wakil Utusan Melayu: Ramalan berkenaan dengan Kebawah Duli.

Y.T.M. Seri Begawan: Fasal apa saya?

Wakil Utusan Melayu: Ada ramalan yang mengatakan Kebawah Duli telah turun dari takhta kerana Kebawah Duli ada ranchangan hendak masuk politik — satu lagi, satu ramalan-nya Kebawah Duli telah merajok kerana pehak Colonial Office telah menarek balek Tuan Webber, jadi patek fikir perkara2 itu tentu-lah mustahil, kalau ada ramalan saperti itu Tuanku, nampak-nya, ini ramalan2 dari akhbar2 lain selain dari akhbar Melayu, ramalan sabagitu Tuanku nampak-nya memburokan Raja2 Melayu, jadi sebab-nya Tuanku, kalau kerana Tuan Webber Tuanku telah turun dari takhta nampak-nya Raja2 Melayu ini sangat keras dengan sentiment, penoh dengan sentiment, kerana satu orang pegawai penjajah Sultan terpaksa turun dari takhta Tuanku.

Y.T.M. Seri Begawan: Itu bukan.

Wakil Utusan Melayu: Patek pun sangka itu bukan.

Y.T.M. Seri Begawan: Itu bukan. Saya turun dari takhta Kerajaan ada-lah kesukaan saya sendiri, sabagaimana di-siarkan dalam surat2 akhbar. Itu tidak payah saya nyatakan sebab itu tentu sudah ada dalam surat2 akhbar, boleh di-minta dari Jabatan Penerangan dan Siaran Radio.

Wakil Utusan Melayu: Tuanku, patek sudah dapat Tuanku. Patek mohon ampun kerana mungkin soal patek itu tidak bagitu baik. Sabagaimana patek katakan tadi sebab2 Duli Tuanku hendak menumpukan masa lagi berkenaan dengan penyibaran Ugama Islam atau pun Tuanku ada ranchangan hendak mengkaji dengan lebeh dalam lagi?

Y.T.M. Seri Begawan: Dalam Brunei soal memperkembangkan Ugama Islam itu ada-lah nyata terbukti boleh di-saksikan daripada dengan pandangan dan sepanjang di-perhatikan bangunan2 dan banyak guru2 yang di-ambil ka-Brunei ia-itu ada-lah satu langkah Kerajaan pada mengembangkan Ugama Islam yang sebenar2.

Wakil Utusan Melayu: Ada kah ini salah satu sebab2-nya yang Kebawah Duli Tuanku mengambil keputusan untuk turun dari takhta?

Y.T.M. Seri Begawan: Saya jadi Sultan ia-lah Kepala Ugama, mengetuai Ugama, sebab Ugama itu ada-lah bebas dalam pegangan atau arahan saya sabagai Sultan, kalau saya turun dari jadi Sultan bukan-lah soal-nya.

Wakil Utusan Melayu: Jadi itu-lah satu2 ramalan.

Y.T.M. Seri Begawan: Satu sahaja, kalau tiap2 saorang yang benar2 menganut Ugama Islam yang baik tentu-lah Ugama Islam yang sebenar2-nya itu menjadi darah daging dia, erti-nya orang yang menganut ugama yang baik patuh kepada ajaran Ugama Islam yang benar2. Islam pun ia kalau tidak baik — Islam jahat nama-nya. Lihat macham Jawa, Jawa pirit, Jawa confrantasi, Jawa Kominis, sebab dalam negerinya terdiri dari tiga bahagian. Satu Islam Jawa kominis, Satu Jawa Islam confrantasi, Satu Jawa Islam Pirit yang jahat.

Wakil Utusan Melayu: Jadi sebab2-nya Tuanku ini sabagaini, persambahan patek, kalau sekira-nya Tuanku memberikan sesuatu penjelasan yang tegas — Tuanku kalau ada penjelasan yang tegas tidak ada lagi ramalan2 yang boleh mengatakan

yang Tuanku ada ranchangan hendak memimpin satu party politik, atau pun Tuanku telah turun dari takhta kerana sebab2 yang lain.

Y.T.M. Seri Begawan: Kalau mengikut pengishtiharaan saya itu boleh-lah di-dapati dari Jabatan Penerangan dan Penyiaraan ada-lah maksud saya sendiri. Fasal party pada pendapat saya, saya tidak dan belum pernah memasoki sesuatu party. Saya tidak pandai berpolitik. Sebab apa, kalau di-tanya pada saya di-segi politik ada tiga perkara, tiga jenis, pertama politik yang sehat, yang kedua politik yang jahat, yang ketiga politik itu yang hanya pandai melihat.

Wakil Utusan Melayu: Jadi ramalan2 itu memang tidak benar Tuanku.

Y.T.M. Seri Begawan: Pada masa ini saya menjadi penasihat anak saya sendiri. Saya telah menarima lantekan.

Wakil Utusan Melayu: Itu-lah soal yang tadi Tuanku berkisar ramalan yang Tuanku ada ranchangan memimpin satu party politik, tetapi Tuanku telah menapikan. Patek menguchapkan terima kaseh. Kerana sudah nyatakan kita telah dapat menghapuskan segala ramalan2 yang liar itu Tuanku. Bagaimana dengan ranchangan masa hadapan Tuanku?

Y.T.M. Seri Begawan: Masa saya sendiri, bagi diri saya sendiri. Saya juga Colonel-in-Chief Askar Melayu Di-Raja Brunei dan juga penasihat Sultan yang mana anak saya sendiri jadi Sultan. Saya sentiasa menumpukan, ada-lah kewajipan saya menumpukan hasrat dan tujuan saya kearah semata2 mempertahankan keselamatan Negeri Brunei, mempertahankan dan mengharumkan nama baik Negeri Brunei dan dengan sadaya upaya bagi mengawal keamanan dan ketenteraman Negeri Brunei, yang dengan sebab itu segala usaha yang baik yang berfaedah kepada negara akan terlaksana dengan sebaik2-nya dan terator.

Wakil Utusan Melayu: Chara mempertahankan keamanan dan keselamatan Negeri Brunei Tuanku, ada-kah Kerajaan Brunei mempunyai ranchangan2 untuk memperbesarkan lagi Angkatan Bersenjata-nya?

Y.T.M. Seri Begawan: Brunei dengan perjanjian-nya dengan Kerajaan Baginda Queen, tidak ada berbangkit masa ini maseh saperti dulu yang mana Kerajaan British bersedia menolong jika Brunei di-serang oleh negeri2 luar, jika meletus sesuatu perbuatan yang merbahaya yang kejam hasil dari hasutan luar.

Wakil Utusan Melayu: Jadi ada ranchangan Kerajaan Britain hendak mengundor dari Singapura dan Malaysia dan mungkin juga Brunei dalam tahun ke-tujohpuluh Tuanku, bagaimana nanti dasar Kerajaan Negeri?

Y.T.M. Seri Begawan: Itu dasar Malaysia, Singapura dengan Kerajaan British, ada-lah soal tiap2 satu negeri dengan satu negeri.

Wakil Utusan Melayu: Tetapi Brunei juga ada ranchangan, ada-nya berita2.

Y.T.M. Seri Begawan: Brunei, itu-lah sabagai yang saya nyatakan perjanjian itu, British maseh sanggup mempertahankan Brunei kalau ada serangan dari luar dan kalau meletus satu2 perkara yang merbahaya yang kejam hasil dari hasutan2 dari luar, British maseh bertanggung jawab dan memberi pertolongan.

Wakil Utusan Melayu: Ada-kah Kerajaan Brunei berchadang untuk memperbesarkan Pasokan bersenjata?

Y.T.M. Seri Begawan: Itu mimang dari dulu untuk membesarkan bilangan ahli2 Pulis dan Mobil Reserve Unit untuk perediaan sementara menunggu bantuan datang daripada British.

Wakil Utusan Melayu: Berkenaan dengan ini juga Tuanku, Tuanku sebagai penasihat kepada Baginda Sultan dan juga Colonel-in-Chief dalam Askar Melayu Di-Raja Brunei selain daripada itu Tuanku, ada-kah Tuanku mempunyai ranchangan apa2 untuk mengambil peranan yang lebeh penting dalam hal ehwal raayat Brunei?

Y.T.M. Seri Begawan: Apa yang di-maksudkan itu?

Wakil Utusan Melayu: Yang di-maksudkan Tuanku, ada-kah Tuanku mempunyai satu2 ranchangan untuk mengambil aleh satu pejabat atau satu kementerian di-mana Tuanku sendiri mengelolakan untuk memperbaiki kedudukan raayat Tuanku?

Y.T.M. Seri Begawan: Kerajaan, saya faham semasa saya jadi raja, telah pun berusaha menghantar beratus2 penuntut keluar negeri bagi meninggalkan lagi mata pelajaran mereka, dengan harapan kepada satu masa bila penuntut2 ini balek ke-Brunei, boleh jadi dalam tempoh jangka panjang, tempoh 10 tahun

atau lebih, penuntut2 yang di-hantar keluar negeri sudah menjadi yang terpelajar dan mereka yang lulus masa ini sudah menjadi penuntut yang terpelajar dan mempunyai pengalaman. Ini-lah satu kemajuan yang utama bagi Kerajaan Brunei yang telah di-laksanakan sebelum Perlembagaan lagi.

Wakil Utusan Melayu: Lagi sekali Tuanku dari segi pertahanan, ada-kah rancangan yang tertentu untuk menetapkan kedudukan tentera British dalam Negeri Brunei?

Y.T.M. Seri Begawan: Dasar Kerajaan Negeri Brunei bagitu-lah, seberapa boleh akan menetapkan tentera British berada di-Brunei selagi suasana Brunei sungguh pun beransor2 puleh tetapi belum-lah dapat di-perchayai 100% baik dan bagitu juga pada memandang negeri2 yang di-sekeliling Brunei, yang saya katakan sekeliling Brunei itu, macham di-Siam, di-Hong Kong dan lain2. Brunei tidak dapat mendiamkan selain daripada mengadakan usaha. Sebab saya berhikah bagitu dasar atau hakikat dan maksud Brunei mempertahankan tentera British di-Brunei ia-lah satu daripada-nya pada memandang setelah nyata terbukti di-masa peperangan yang kedua. Brunei boleh di-katakan separoh daripada penduduk Negeri Brunei menderita dan mati kelaparan dan boleh di-katakan 3/5 daripada penduduk Negeri Brunei yang tidak mempunyai kain. Kedua ia-lah pemberontakan dalam tahun 1962 yang mana tentera Baginda Queen menepati janji-nya dalam perjanjian datang ke-Brunei membantu.

Wakil Utusan Melayu: Berkenaan dengan Undang2 Dharurat dalam negeri Tuanku, perlu kah Undang2 itu di-lanjutkan sekarang ini di-Brunei Tuanku?

Y.T.M. Seri Begawan: Sekarang soal dharurat itu ada-lah di-antara Kerajaan dengan Sultan, tetapi oleh kerana saya sekarang sebagai Colonel-in-Chief dan Penasihat Sultan, ber-

pendapat Undang2 Dharurat ada-lah mustahak di-lanjutkan atau di-sambong berdasarkan kejadian2 yang telah di-alami di-negeri2 sekeliling Brunei.

Wakil Utusan Melayu: Patek telah berjumpa banyak ahli2 politik di-Brunei Tuanku, kebanyakan patek berjumpa di-Kuala Lumpur dan di-Singapura menyatakan harapan mereka yang Negeri Brunei akan mengadakan satu pilihan raya umum yang tertentu dengan tujuan untuk memilih atau membentok sebuah Kerajaan yang sebenar2-nya akan mewakili raayat Brunei, bagaimana pendapat Tuanku?

Y.T.M. Seri Begawan: Saya dulu-nya raja, dan sekarang jadi Seri Begawan dan saya maseh lagi Penasehat Sultan dan juga sebagaimana saya katakan saya juga Colonel-in-Chief, saya juga raayat Brunei yang lebih mengetahui keadaan dalam Brunei sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa usaha2 yang penting di-usahakan oleh Kerajaan ada-lah meninggikan pelajaran. Pentadbiran Kerajaan akan dapat di-pegang oleh se-seorang yang mempunyai laila pelajaran atau yang terpelajar dan mempunyai pengalaman jujur dengan menumpukan hasrat atau tujuan-nya bagi faedah negara, tidak ada satu2 rancangan atau satu2 chadangan yang ter-ator dengan chukop baik melainkan di-kelolakan atau pentadbiran itu di-kelolakan atau di-pegang oleh mereka yang saya sebutkan tadi, yang terpelajar mempunyai pengalaman yang baik lagi jujur. Pilehan Raya telah pun saya sebut tadi boleh jadi di-adakan timpoh 10 tahun bagi menunggu mereka2 yang di-hantar untuk meninggikan persekolahan-nya yang akan balek menjadi penuntut2 yang terpelajar.

Lain tidak ada?

Wakil Utusan Melayu: Tidak ada, terima kaseh banyak Tuan-ku.

RENCHANA PENGARANG UTUSAN MELAYU

Sa-bagai menarek perhatian raayat kapada ulasan pengarang yang mengandongi perkara2 yang mengelirukan itu di-bawah ini ia-lah ulasan pengarang tersebut yang telah di-gambarkan saperti asal-nya.

ستياوسها اكوع باريسن كمرديكان رعية بروني، اواع حافظ لقسمان، دالم ساتو فرنواون خاس دنن اونوسن ملايو (ليهه) اونوسن ملايو كلواون 20 اكتوبر ييغ لالو اد مبايكن بهوا فيليهنراي عوم دبروني مونكين اكن دادكن قد اول تاهون 1968 ييغ اكن دانغ اين.

حافظ لقسمان جوكن مونكين بهوا مفكوة فركهياغن بروني، فيليهنراي هان اكن دادكن دالم تاهون 1970، تماقي نامون دمكين حافظ لقسمان تيدق مونلق كمرديكان فيليهنراي ايت اكن برلفسوغ له اول لاي دري تاهون 1970.

فعموم ييغ دواوه اوله ييغ ترامه مليا سري باكون ايت، ييغ جوكن منجادي فتصيح كقد سلطان بروني ييغ بارو، سوده ننتو مفهفاكن هارن اواع حافظ لقسمان دان فارتي ييغ دفيقيغن، ماله تيدق سسوي دنن كندون فرلمبكن سقرت ييغ ديناكن اوله ستياوسها اتوع باريسن كمرديكان رعية بروني ايت.

فيلهينراي عوم اتوق ميليه كراجان ييغ دسوكاي اوله رعية اداله مروفان شرط اوتام دان ترفنيغ دالم تيف 2 نكري ييغ هندق معملكن ديهوفاي.

علمبكن 2 فيليهنراي ايت برارتي علمبكن 2 فلسطين حق رعية مفكوة لوس 2 دان كهندق 2 ديهوفاي.

مفككن فمككن 2 بريتيش دبروني، مونكين ننتي اكن ميمبولكن ساه فاهم دكالفن نكارا 2 تيفك بروني سديري، كران فر تيمان دنيا سيله سيني اداله ليه چونووع كقد ملقسان سنديري فرتهان نكارا.

سقرت ييغ كيت كنان ناي، ننتو اد سبب 2 ترفنتو داسر 2 ترسوه داهيل دان هندق دلناسن دبروني، تماقي هندقه جوكن دايقه دان دسدري بهوا فراوباغن مستي تيمبول دان سيات 2 جان اتوق مفهادي فراوباغن ايت ايله ملوكرن داسر 2 نكري ييغ كنه سرت ميري فواع كقد رعية اتوق منجهفوري، فرتهان سديكيه دمي سديكيه، سسوي دنن ننتون زمان دان كهندق ماس.

ترسوله كقد كيمبسن فيق 2 ييغ مونته اتوق مياوركن فراوباغن 2 ايت كاره ييغ بيري بهيا سرت كسلامتن كقد رعية دان نكري.

رېځشان فخر

1387 رجب 21

رابو 25 اكتوبر 1967

فر كهاغن دبروني

بکس سلطان بروني، ييغ ترامه مليا سري باكون، نله ميرتاو وکیل اونوسن دالم ساتو فرنواون خاص، تيفك داسر فنيغ ييغ اكن دفكغ اوله بروني اتوق ماس دفن.

داسر 2 ترسوه ايله بهوا فيليهنراي عوم تيدق اكن برلفسوغ دالم تيمفوه 10 تاهون، فمككن بريتيش ييغ اد دبروني اكن تروس دكلكن دان اوندغ 2 ضروره دالم نكري بروني اكن دتروسكن.


فعموم اين دنن سنديري نله مفككل سكل روف رامان اتو اناليسا ييغ فرنه دواوه مفناي فراوباغن 2 ييغ اكن برلاكو دبروني، ستاكة اين بلوم تردر اف 2 رفاقي دري رعية بروني، ننادي كيت دافه رامانن بهوا فنتوان كتيك 2 داسر فنيغ ترسوه مونكين تيدق اكن دافه دبريما اوله رعية ساورهن.

علمبكن 2 فيليهنراي برارتي مفكوه كهساجوان كساره كمرديكان، دان علمبكن 2 فلسطين حق رعية منجهفوري فرتهان نكري.

بررکان دنن اوندغ 2 ضروره، سباد اكن دتروسكن اتو تيدق، ننتون ننتي اكن برکننووع كقد كادان دان فر كهاغن ستروسن دبروني سنديري.

ولو فون اد دسوه بهوا فيليهنراي عوم تيدق اكن اد دالم تيمفوه 10 تاهون اين، فرتان ترسوه بلومله، وكه منجاهين بهوا سلفس تيمفوه 10 تاهون ايت فيليهنراي عوم اكن برجان دبروني.

GAMBAR2 DI-UPACHARA PEMBUKAAN BANGUNAN BARU JABATAN HAL-EHWAL UGAMA, KUALA BELAIT



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanal Bolkiah Muizzuddin Waddaulah telah berangkat ka-Kuala Belait pada hari Isnin lepas untuk merasmikan pembukaan bangunan baru Jabatan Hal-Ehwal Ugama di-daerah itu.

Gambar No. 1 menunjukkan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan (sa-belah kanan) dan Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof sedang berehat di-sabuh bilek dalam bangunan itu.

Gambar No. 2: Pasokan nashid dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin yang turut menyerikan pembukaan bangunan itu.

Gambar No. 3: Di-antara yang hadir dalam pembukaan rasmi bangunan itu termasuk-lah Yang Berhormat Penulong2 Menteri dan Peguam Negara. Dari kiri ia-lah Yang Berhormat2 Penulong Menteri Kebajikan dan Pos, Pengiran Md. Yusof bin Pengiran Limbang; Penulong Menteri Kesihatan, Pehin Bendahari China, Awang Hong Kok Tin; Penulong Menteri Pelajaran, Orang Kaya Pekerma Dewa, Awang Lukan bin Uking dan Peguam Negara, Dato Setia, Awang Idris Talog Davies.



No. 4: Para hadirin yang menyaksikan upacara pembukaan bangunan tersebut.

ORANG2 BUKAN ISLAM HADHIRI SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ KHUSU' DENGAR SHARAHAN



Gambar atas menunjukkan para hadirin yang menyaksikan sambutan Isra' dan Mi'raj di-Dewan Madrasah Jabatan Hal-Ehwal Ugama. Dari kiri barisan hadapan kelihatan Yang Di-Muliakan Pehin Kapitan China, Awang Lim Teck Hoo; Mufti Kerajaan Brunei, Sahibol Fadhliah. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz; Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Seri Laila Jasa Kamaluddin; Penguasa Penerangan dan Tabliq, Awang Abdul Hamid bin Bakal; Setia Usaha Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Awang Abdullah bin Metassan; dan Pemangku Kadhi Besar Brunei, Awang Haji Md. Zain bin Haji Seruddin.

BANDAR BRUNEI. — Kira2 1,000 orang, termasuk orang2 yang bukan Islam, telah membanjiri bangunan Madrasah di-Bandar Brunei, kerana mendengarkan sharahan2 berkaitan dengan peristiwa Isra' dan Mi'raj junjungan kita Nabi Mohamad s.a.w.



Yang Amat Mulia, Pengiran Muda Dato Seri Laila Jasa Kamaluddin sedang menyampaikan ucapan dalam sambutan tersebut.

Upacara tersebut telah berlangsung pada malam Selasa 30 Oktober, 1967.

Orang2 bukan Islam yang hadir ka-majlis tersebut adalah sa-bagai para jemputan kepada Pengetua Pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Seri Laila Jasa Kamaluddin.

Isra' dan Mi'raj di-sambut oleh umat Islam di-seluruh dunia, sa-bagai satu hari kebesaran ugama, yang jatuh dalam bulan Rajab.

Kemulian dan kebesaran-nya ada-lah di-ukor dari pengajaran2 Ugama Islam yang di-amalkan, ia-itu Ugama Allah yang di-wahyukan, berikutan peristiwa Isra' dan Mi'raj Nabi Mohamad s.a.w.

Punchak dari segala achara di-majlis malam itu ia-lah peraduan membaca sajak dan nashid, anjoran bahagian penerangan Jabatan Ugama.

18 peserta mewakili persatuan2 belia menyertai peraduan sajak, sementara sepuluh pasukan menyertai dalam peraduan nashid.

Keputusan2-nya ada-lah seperti berikut:

Peraduan Nashid bahagian lelaki: Pertama; Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah; kedua; Sekolah Ugama Sengkurong dan ketiga; Sekolah Ugama Lelaki Bandar Brunei.

Peraduan sajak antara persatuan2 belia: Pertama; Awang Ahmad bin Abu Bakar dari persatuan "PERKASA"; Kedua, Awang Satri bin Omar dari Persatuan bekas Penuntut2 Sekolah2 Ugama; dan Ketiga, Awang Omar bin Haji Mohidin dari Persatuan "SAKAM", Muara.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Mufti Kerajaan, Sahibol Fadhliah Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz.

JOHAN2 NASHID



Pasokan nashid dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri telah berjaya menjadi johan dalam peraduan nashid bagi murid2 perempuan. Gambar atas kelihatan mereka sedang memperdengarkan nashid yang membawa kemenangan mereka dalam peraduan tersebut.



Johan nashid bahagian murid2 lelaki telah di-menangi oleh pasukan dari Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah. Dalam gambar atas kelihatan mereka, sedang mengalunkan nashid tersebut.



Gambar atas ia-lah Awang Ahmad bin Abu Bakar dari Persatuan PERKASA yang berjaya menjadi Johan dalam peraduan membaca sajak antara persatuan2 belia.

TUTONG SAMBUT NUZUL AL-KOR'AN

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh telah berkata, Tutong akan menyambut hari ulang tahun Nuzul Al-Koran yang ka-1,400 selama tiga hari mulai 10 November depan.

Sambutan perayaan2 kerana itu akan di-adakan di-padang kecil Bukit Bendera, dengan beberapa achara pertandingan yang ada kaitan-nya dengan ajaran2 ugama.

Kata-nya sa-buah jawatankuasa telah di-bentuk untuk mengot pertandingan2 tersebut yang meliputi peraduan membaca sajak, bakhath, membaca koran dan

tablo yang menggambarkan peristiwa2 Nuzul Al-Koran.

Peraduan2 ini ada-lah terbuka kepada penduduk2 daerah Tutong.

Pengiran Othman juga menyeru penduduk2 Tutong terutama-nya orang2 Islam supaya berchuchol di-rumah2 mereka ketika perayaan itu di-sambut.

Sa-bagai permulaan kepada perayaan2 itu, peraduan2 akhir membaca koran telah pun di-adakan di-madrasah Masjid Hassanah Bolkiah, pada 4 dan 5 November untuk memilih wakil daerah Tutong ka-peraduan koran peringkat seluruh negeri.

JAWATAN-JAWATAN SEBAGAI SETIA USAHA LEMBAGA BANDARAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat dalam Bahagian III bagi memenuhi jawatan sebagai Setia Usaha Lembaga Bandaran di-Jabatan Bandaran, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B2 — \$1020 x 40 — 1620.

Kelayakan2 Dan

Pengalaman:

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon:—

- (a) Pemohon2 mesti-lah raayat D.Y.M.M. Al-Sultan.
- (b) Mesti-lah lulus Darjah V Melayu Rumi dan Jawi dan Form II Inggeris atau sebanding.
- (c) Mesti-lah berumur tidak kurang dari 35 tahun.
- (d) Pemohon2 mesti - lah mempunyai pengalaman yang banyak dalam hal2 Bandaran berke-

naan dengan pekerjaan2 di-dalam Pejabat.

Permohonan2 hendak - lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 November, 1967.

Majlis sampaikan sijil2

BANDAR BRUNEI. — Chalun2 Kelas Dewasa di-Bandar Brunei yang telah berjaya dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (L.C.E.) tahun lepas akan menerima sijil2 mereka di-satu upacara yang akan di-adakan di-Sekolah Melayu Puser Ulak, Bandar Brunei.

Upacara tersebut akan di-adakan pada 11 November, 1967 jam 4.30 petang.

PIALA LABUAN KA-100 BOLEH DI-LIHAT DI-SPORT KLAB

BANDAR BRUNEI. — Piala Hari Ulang Tahun Yang ka-100 Labuan sekarang dapat di-lihat di-Brunei Sports Klab buat pertama kali-nya dalam masa hampir2 sembilan tahun.

Piala itu telah di-bawa ka-Brunei oleh pasukan bola sepak Sports Klab yang telah seri dengan Labuan dalam perlawanan akhir bagi merebut piala itu di-Labuan pada hari Juma'at 27 Oktober yang lalu.

Sports Klab akan menyimpan piala itu sa-lama enam bulan dan kemudian menghantarnya pulang ka-Labuan untuk di-simpan oleh Klab Labuan sa-lama enam bulan.

Piala Ulang Tahun Yang Ka-100 itu telah mula di-pertandingkan dalam tahun 1959 di-antara klab2 bola sepak di-Brunei, Limbang, Sabah dan Labuan.

Tahun lepas ia-nya telah dimenangi oleh Klab Jesselton.

KOSONG Sebagai Pemerhati Kaji Chuacha

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalon2 yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sebagai raayat D.Y.M.M. Al-Sultan bagi memenuhi jawatan2 sebagai Pemerhati Kaji Chuacha di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau Sijil Peperiksaan yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang berkelulusan Sijil Peperiksaan Seberang Laut. Hanya mereka yang berumur di-antara 18 dan 25 tahun di-kehendaki memohon.

Tempoh Perchubaa:

Chalon2 yang berjaya akan di-lantek dalam perchubaa sa-lama 3 tahun. Sa-belum menamatkan masa perchubaa, mereka di-perlukan lulus peperiksaan rendah Kaji Chuacha.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$210 x 10-270 x 15-360 x 20-480/EB/500 x 20-620 sa-bulan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak - lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 November, 1967.

Perlawanan tarek tali anjonan "KAMUDI"

KIUDANG. — Perlawanan akhir tarek tali atas anjonan Kesatuan Angkatan Muda Mudi Kiudang akan di-adakan pada 25 November ini di-padang Sekolah Melayu Kiudang.

Dalam perlawanan itu 4 buah pasukan akan bertanding, ia-itu pasukan Pertanian Birau melawan pasukan Kampong Kiudang dalam bahagian 10 orang. Manakala pasukan Kamudi Kiudang melawan pasukan Kampong Kiudang dalam bahagian lima orang.

DUA BAHAGIAN

Perlawanan itu telah di-jalankan sejak 27 Octoger yang lalu yang mana sa-banyak 14 buah pasukan dari persatuan2, kampong2 sekolah2 dan jabatan2 kerajaan dalam daerah Tutong telah mengambil bahagian.

Perlawanan itu ia-lah salah satu acara bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan yang ka-51.

Perlawanan itu terbahagi kepada dua bahagian ia-itu bahagian 10 orang sepasokan dan lima orang sepasokan, dan di-jalankan sa-chara ka-lah mati.



Gambar atas menunjukkan Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Sa'at bin Haji Masri sedang menyampaikan piala hadiah daripada beliau kepada Awang Sa'at bin Taib. Piala tersebut akan di-pertandingkan dalam perlawanan tarek tali anjonan KAMUDI.

BRUNEI AKAN HANTAR WAKIL JAMBORI PENGAKAP DI-AUSTRALIA

BANDAR BRUNEI — Brunei akan di-wakili oleh tiga orang pegawai pengkap di-jambori Australia yang ka-lapan yang akan di-adakan di-Queensland sa-lama 10 hari mulai 28 Disember, 1967.

Tiga orang pegawai tersebut, Awang Salleh bin Haji Ibrahim, Awang Omar Ali bin

Esong dan Awang Edward Jemat telah di-pilih oleh Majlis Pengakap Negeri Brunei.

Persatuan Pengakap Australia telah menderma sa-banyak \$1,000 wang Australia untuk memenuhi sa-bahagian dari perbelanjaan bagi menghantar pegawai2 itu ka-Jambori tersebut.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari Rabu 8 November, 1967 hingga ka-hari Selasa 14 November, 1967 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
8 Nov.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06	
9 Nov.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06	
10 Nov.	12-10	3-29	6-07	7-22	4-34	4-49	6-07	
11 Nov.	12-11	3-29	6-07	7-22	4-34	4-50	6-07	
12 Nov.	12-11	3-29	6-07	7-22	4-34	4-50	6-07	
13 Nov.	12-11	3-29	6-07	7-22	4-34	4-50	6-07	
14 Nov.	12-11	3-29	6-07	7-22	4-34	4-50	6-07	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu. Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PEGAWAI2 BOMBA TERIMA
PINGAT PERKHIDMATAN LAMA

BANDAR BRUNEI. — Pengawal Perkhidmatan Bomba Awang Lam Soo Man telah menyeru kakitangan2-nya supaya ta'at setia kepada kerajaan dan menjalankan tugas mereka dengan seberapa baik yang boleh.

Awang Lam membuat seruan itu apabila beliau menyampaikan Pingat Perkhidmatan Lama Pasokan Bomba Tanah Jajahan kepada dua orang pegawai kanan jabatan itu dalam satu upacara yang telah dilangsungkan di-Dewan Balai Bomba di-Bandar Brunei pada minggu lalu.



**Awang Ali bin
Rimong**

Pegawai2 yang menerima pingat tersebut ia-lah Awang Ali bin Rimong, Pegawai Penguasa Pasokan Bomba dan Awang Durahim bin Kasim, Pegawai Balai.

BERKHIDMAT 18 TAHUN

Mereka di-kurniakan pingat tersebut kerana tamat perkhidmatan mereka sa-lama 18 tahun dengan berkelakuan baik.

Sa-orang lagi anggota jabatan itu, Awang Bagol bin Abdullah, Pegawai Bahagian, telah menerima pingat yang sama tiga tahun yang lalu.



**Awang Durahim
bin Kassim**

Awang Lam menyeru anggota2 pasokan bomba supaya mengikut contoh yang ditunjukkan oleh tiga orang pegawai itu.

Persiapan2 untuk sambutan Nuzul Al-Koran
bagi Daerah Temburong

TEMBURONG. — Daerah Temburong telah membuat persiapan untuk merayakan Nuzul Al-Koran yang ka-1,400 dalam bulan depan.

Sa-buah jawatankuasa telah pun di-tubuhkan untuk merancang perayaan sa-lama lima hari di-Bangar ibu kota daerah itu mulai dari 15 November.

Pengurus jawatankuasa itu Awang Johari bin Abdul Razak, Pegawai Daerah Temburong berkata, perayaan2 itu akan menjadi lebih meriah dengan di-adakan perarakan kereta2 dan basikal berhias.

Semasa perayaan itu bangun2 dan rumah2 di-Bangar akan berchuchol.

Awang Johari berkata sa-

lain dari pertandingan membaca kitab suci Al-Koran, jawatankuasa itu juga telah merancangkan lain2 pertandingan.

Ini termasuk-lah berbath, nashid dan berzanji.

Pertandingan2 itu ada-lah terbuka kapada anak2 sekolah dan orang2 dewasa, kumpu-lan2 dan persatuan2 di-daerah Temburong.



Gambar di-atas menunjukkan Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri sedang menyampaikan perisai hadiah daripada Pegawai2 dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negara kepada pengerusi Peraduan Tarek Tali anjoran Persatuan 'PATUH', Pengiran Tuah bin Pengiran Md. Daud. Perisai tersebut untuk rebutan dalam bahagian Jabatan2 yang mana ia-nya telah di-menangi oleh Jabatan Letrik, Brunei.

Peraduan Pesta Pancharagam: "The Hunters" jadi johan

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Mohammad telah merasmikan pembukaan Peraduan Pesta Pancharagam yang telah di-langsungkan di-Dewan Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada malam Sabtu yang lalu.

Peraduan yang julong2 kali-nya di-adakan di-Brunei itu ia-lah anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Sa-banyak sembilan pancha-
ragam tempatan telah men-
gambil bahagian dalam pera-
duan itu.

Keputusan2 peraduan adalah seperti berikut:—


Pancharagam terbaik: pertama — The Hunters, kedua — Surya Ria dan ketiga Lima Irama.

Bahagian Instrumental (lagu asli): pertama — The Hunters, kedua Surya Ria dan ketiga Lima Irama.

Penyanyi terbaik ia-lah Da-
yang Thaibah bte Haji Abdul
Rahim dari pancharagam
Surya Ria kedua — Ak
Razali dari The Hunters dan
ketiga M. Alita dari Lima
Irama.

Ak Razali dari The Hunters juga telah di-pilih sebagai pemain drum yang terbaik.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Dayang Tinah bte Abdul Rahman, isteri Pesuruhjaya Kebajikan.



SENI NILAI BANGSA, TAK KENAL MAKA TAK CHINTA.

TEGORAN TERHADAP PENTADBIRAN BELAIT "LALAI"

Pengiran Momin sifatkan sa-bagai

"tidak bertanggung-jawab"

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah mensifatkan tegoran2 oleh sa-orang ahli majlis mashuarat daerah tersebut, yang menyatakan pentadbiran di-daerah Belait lalai sebagai tidak bertanggung jawab.

Beliau menuduh ahli majlis mashuarat itu membuat tegoran tanpa terlebih dahulu membuat penyiasatan sedalam2-nya.

Di-persidangan majlis itu Yang Berhormat Pengiran Mohammed Yusof bin Pengiran Bakar, telah menarek perhatian majlis mashuarat terhadap penolakan tiga usol beliau untuk di-bawa ka-persidangan majlis tersebut.

Beliau telah melahirkan rasa kesal-nya kerana pehak pentadbiran daerah itu bersikap lalai terhadap perkara2 tersebut, dan beliau mensifatkan jawapan yang di-terima-nya sebagai tidak memuaskan.

Pengiran Momin yang juga menjadi pengerusi majlis itu, telah menafikan terhadap kenyataan bahawa semua usol yang di-terima oleh majlis mashuarat telah tidak di-laksanakan.

Beliau berkata, usol2 yang tidak di-kemukakan oleh Pengiran Yusof sendiri telah dipertimbangkan oleh pehak kerajaan dan di-laksanakan-nya,

sa-perti memagar kawasan tebing Sungai Belait, pembenaan beberapa buah balai raya dan mengadakan bilek bacaan dan lain2 usol lagi.

Pehak Kerajaan, kata beliau, tidak berniat untuk melalaikan jawapan2 atas usol2 yang di-kemukakan itu, tetapi ia-nya terpaksa menyelideki-nya, sebelum ia-nya boleh membuat sebarang jawapan.

Terdahulu dari itu, majlis telah meluluskan satu usol yang menyeru supaya di-kurangkan harga gas yang digunakan untuk keperluan rumah tangga di-daerah itu.

Uso1 itu telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat, Awang Zainal Abidin bin Puteh.

Beliau memohon Pegawai Daerah supaya berhubung dengan pehak berkuasa yang berkenaan untuk memperolehi pengurangan pada kadar ba-

yan yang berjalan sekarang ini.

Pengerusi majlis kemudian-nya telah mengemukakan jawapan2 terhadap soalan2 yang telah di-bangkitkan oleh dua orang ahli majlis mashuarat.

Yang Berhormat, Pengiran Mohamad Yusof bin Pengiran Bakar telah mengemukakan empat soalan.

Beliau bertanya sama ada kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk membena kedai2 kelas dua di-Sungai Liang dan bilakah masa-nya Pegawai Daerah berchadang hendak melancarkan rancangan rumah murah yang telah diluluskan oleh majlis dalam tahun 1965.

Pengiran Mohamad Yusof ingin juga mengetahui sama ada pehak berkuasa di-daerah itu berpendapat bahawa rancangan perpindahan H 25 telah mencapai kejayaan dan beliau ingin tahu apakah kemajuan yang telah di-lakukan terhadap rancangan membuka tanah baru di-daerah itu.

Soalan2 telah juga di-kemukakan oleh Awang Matzain bin Teradi yang menitik beratkan kepada chadangan untuk membuka sa-buah kelinik di-Bukit Sawat.

Pemangku MB sampaikan sijil2 kapada ahli2 Persatuan2 Belia

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyampaikan sijil2 kepada persatuan2 belia di-Daerah Brunei Muara kerana sumbangan mereka dalam perayaan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan yang ka-51.

Upacara tersebut telah diadakan di-Madrasah Jabatan Hal-Ehwal Ugama di-Bandar Brunei di-bawah anjoran Jabatan Kebajikan Masharakat pada malam Selesa yang lalu.

Pesuruh jaya Kebajikan Awang Salleh bin Haji Masri telah menyampaikan ucapan terima kasih kepada belia2 yang sa-chara sukarla telah menolong menjadikan perayaan2 itu satu kejayaan dan kerjasama yang amat di-hargai.

Sa-belum itu, Pemangku Menteri Besar telah memuji belia2 atas sumbangan2 mereka itu dan menyatakan harapan semoga mereka akan terus bekerjasama bagi faedah rakyat dan negara.

Melalui usaha anggota2 persatuan2 belia, orang ramai telah menikmati persembahan2 yang di-adakan beberapa malam di-pekarangan Istana dan di-Padang Besar Bandar Brunei.

Semasa perayaan2 itu, belia2 telah mengadakan pertunjukan2 pentas sa-perti tarien2 kebudayaan, nyanyian dan pertunjukan aneka warna termasuk pementasan beberapa buah drama.

Pegawai2 kerajaan yang tiba di-London hendak-lah

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah mengingatkan pegawai2-nya supaya melaporkan diri kepada wakil kerajaan ketika tiba di-London kerana menjalani latihan atau pun menjalankan tugas.

Wakil Kerajaan Brunei di-London ia-lah Dato Sir Dennis White.

Alamat beliau ia-lah 101 Grand, Building, Trafalgar Square, London, W.C. 2.

BEKALAN AYER KA-KAMPONG AYER KERJA2 TELAH DI-MULAKAN

Meminda jadual undang2

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan akan meminda persetujuan Majlis Mashuarat Negeri untuk meminda jadual Undang2 Menguntokkan Wang bagi Fund2 yang di-tentukan di-sidang masa depan Majlis Mashuarat Negeri.

Untuk melaksanakan pindaan itu, Kerajaan akan membentangkan satu Rang Undang2 di-majlis mashuarat tersebut bagi menambahkan sa-banyak \$2,000,000 kepada Fund Simpanan dan Perniagaan yang berjumlah sa-banyak \$21,561,000.

Chatetan penjelasan kepada Rang Undang2 itu berkata bahawa di-sebabkan bertambah meluas-nya pembekalan kuasa letrik di-merata2 dalam negeri, maka ada-lah di-fikirkan perlu menambah setor2 yang tidak di-peruntukkan bagi membolehkan Jabatan Letrik membeli dan menyimpan barang2 bagi keperluan2-nya.

BANDAR BRUNEI. — Dua kemudahan yang sangat2 diperlukan ia-itu bekalan ayer dan jambatan2 tidak lama lagi akan dapat di-nikmati oleh penduduk2 Kampung Ayer.

Pegawai Daerah Burnei/Muara, Awang Ali bin Awang Besar ketika menyatakan perkara ini berkata bahawa Jabatan Kerja Raya telah memulakan kerja2 memasang paip2 bagi membekalkan ayer ka-kampung tersebut.

Saloran paip itu akan dipasang di-jambatan2 yang dibena untuk tujuan ini dan juga bertugas seperti jambatan biasa untuk menghubungkan kampung2 di-Kampung Ayer.

Pegawai Daerah itu berkata demikian ketika mengengerusi Majlis Mashuarat Daerah Brunei/Muara yang bersidang pada hari Khamis lepas.

Sidang itu telah meluluskan dua usol yang meminta supaya di-adakan sa-buah stesen pertanian di-kawasan Muara dan menempatkan sa-orang bidan di-klinik Sengkurong.

Ketika mengemukakan usol untuk mengadakan stesen pertanian, Awang Ali bin Ahmad menegaskan tentang betapa besar-nya pengaruh pekerjaan berladang daripada lain2 ne-

kerjaan yang di-lakukan oleh penduduk2 Muara.

Beliau berkata bahawa stesen pertanian di-sana akan menolong peladang2 memperbaiki chara2 mereka berkebun.

Awang Ahmad Jailani bin Abdul Rahim telah menarek perhatian majlis kepada keadaan penduduk Sengkurong yang semakin bertambah itu untuk menyukong usol-nya bagi di-tempatkan sa-orang lagi bidan di-klinik itu.

Beliau berkata, kira2 satu suku dari 3,000 orang penduduk di-Sengkurong ada-lah kaum ibu.

Terdahulu dari itu, Pengerusi majlis telah menjawab soalan2 mulut yang di-kemukakan oleh anggota2 majlis.

Soalan2 itu ada-lah meliputi peruntukan bagi bekalan ayer ka-Kampung Lambak dan kemajuan yang di-chapai dalam kerja2 mengenai rancangan sistem saloran ayer kotor yang moden di-Bandar Brunei.